

## KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INVENTORI KEBERKESANAN EMOSI ELLIS

Siti Khadijah Mahamad Sakri, Ahmad Jazimin Jusoh,  
Mohammad Nasir Bistamam

*Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak*

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur *Ellis Emotional Efficiency Inventory* atau Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE). Kajian ini melibatkan tiga orang pakar yang dilantik untuk menilai kesahan. Kemudian seramai 55 orang pelajar sekolah menengah yang dijadikan sampel untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen IKEE. Dapatan menunjukkan pakar-pakar telah membuat cadangan penambahbaikan daripada aspek bahasa, struktur ayat dan pemahaman responden ketika menjawab soal selidik tersebut. Dapatan juga menunjukkan pekali kebolehpercayaan yang diperolehi adalah .752. Berdasarkan kepada keputusan kajian, alat ukur IKEE mempunyai potensi untuk digunakan dalam mengukur pemikiran tidak rasional pelajar. Dicadangkan beberapa kajian lanjutan dijalankan untuk memantapkan alat ukur ini.

**Kata kunci** Kesahan, kebolehpercayaan, Inventori Keberkesanan Emosi Ellis

### ***Abstract***

*The study was conducted to measure the reliability and validity of Ellis Emotional Efficiency Inventory or Ellis Emotional Effectiveness Inventory (IKEE). The study involved three experts appointed to evaluate the validity. Then a total of 55 secondary school students as a sample to be measured the reliability of the instrument IKEE. The findings showed that the experts have made recommendations for improvement from the aspect of language, sentence structure and understanding of the respondents when answering the questionnaire. The study also showed that the reliability coefficient obtained was .752. According to the results of the study, measurement IKEE has the potential to be used to measure students' thinking is not rational. Suggested further research to be conducted to strengthen this tool.*

**Keywords** *Validity, reliability, Ellis Emotional Efficiency Inventory*

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Di luar negara kajian-kajian berkaitan dengan kesahan dan kebolehppercayaan banyak dilakukan seperti kajian oleh Bunce et. al (2010), Mackison, Wriden dan Anderson (2010), Verster et. al (2007) dan Semila et. al (2007). Manakala di dalam negara kajian kesahan dan kebolehppercayaan ada dilaksanakan oleh Jamaludin et. al (2009), Ibrahim (2007), Rohaya dan Mohd Najib (2008) dan Ahmad Jazimin (2008). Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan konsep sendiri, penghargaan sendiri, pengurusan emosi dan sebagainya. Disebabkan hal ini, lambakan kajian yang sama telah dilakukan berulang kali. Oleh yang demikian, kajian berkaitan kesahan dan kebolehppercayaan dilakukan bagi mewujudkan pembaharuan. Di sekolah misalnya, kebanyakan kaunselor menggunakan inventori-inventori yang sama setiap kali menjalankan pengujian terhadap pelajar. Inventori-inventori ini adalah yang biasa dan sering dilakukan di sekolah.

Inventori yang biasa dijalankan oleh kaunselor di sekolah ialah *Vocational Preference Inventory* (VPI), Inventori Personaliti Sidek (IPS), Inventori Personaliti Warna (IPW) dan *Self-Directed Search* (SDS). Oleh yang demikian, demi melihat pembaharuan, kajian berbentuk kesahan dan kebolehppercayaan sesuatu inventori dilaksanakan. Oleh itu, suatu inventori yang berkualiti perlu dihasilkan supaya kita boleh mengenal pasti kesahan dan kebolehppercayaan inventori ini. Inventori ini perlu bebas daripada sebarang bias supaya ia boleh digunakan secara lebih praktikal dan menyeluruh untuk pelajar-pelajar di sekolah. Di samping itu, alat ukuran apabila digunakan secara saintifik maka alat ukuran itu telah mempunyai kesahan di mana alat ukuran tersebut sesuai dengan konsep dan berkaitan dengan aturan yang berlaku pada aspek lain (Sidek, 2005).

Maznah dan Kim (1984) mendapati alat ukuran dalam bidang kaunseling di Malaysia adalah tidak boleh dipercayai dan kurang kesahihannya. Masalah ini wujud disebabkan banyak kesahan dan kebolehppercayaan yang dijalankan di Malaysia asalnya daripada negara luar. Hal ini disebabkan alat ukuran daripada negara luar banyak dipengaruhi oleh budaya mereka sendiri dan budaya tersebut sangat berbeza dengan negara Malaysia. Walau bagaimanapun setiap alat ukuran yang di ambil dari negara luar juga boleh digunakan sekiranya alat ukur tersebut telah diubahsuai dalam konteks budaya di Malaysia. Perkara ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Jamaludin et. al (2009) di mana kajian yang dijalankan mengenai *Tennessee Self Concept Scale* (TSCS) yang dibangunkan oleh William H. Fitt pada tahun 1965. Alat ukur ini sudah diubah suai mengikut adat dan budaya di Malaysia dan banyak digunakan dalam kalangan kaunselor di Malaysia.

Blau (2001) telah menjalankan kesahan dan kebolehppercayaan mengenai Inventori Keberkesanan Emosi Ellis berdasarkan teori *Rational Emotive Behavior Therapy* (REBT). Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat sejauhmana pesakit luar dapat

mengawal emosi apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan yang tegang. Maka Blau telah membangunkan inventori tersebut akibat daripada ketiadaan kajian berkenaan dengan kesahan dan kebolehpercayaan inventori berkaitan dengan emosi. Blau juga melihat kepada tiga aspek dalam pemikiran tidak rasional iaitu *demandingness*, *ego-disturbance* dan *discomfort-disturbance*.

Di Malaysia, kajian-kajian berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ada dijalankan. Namun, kajian yang menjurus kepada mengukur Inventori Keberkesanan Emosi Ellis masih belum dijumpai. Oleh itu, andaian pengkaji alat ukur yang berorientasikan *Teori Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) ini wajar dibangunkan sebagai nilai tambah instrumen kaunseling di negara kita.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan alat ujian *Ellis Emotional Efficiency Inventory* atau dalam kajian ini disebut Inventori Keberkesanan Emosi Ellis dalam konteks Negara Malaysia. Kesahan dan kebolehpercayaan adalah sangat penting. Kebolehpercayaan Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE) diuji untuk mengetahui darjah kestabilan, konsisten, ramalan dan ketetapan alat ukur ini. Oleh kerana EEEI ini bukan instrumen tempatan, maka kajian ini dilaksanakan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks populasi pelajar di Malaysia. Maka objektif utama kajian ini dijalankan adalah seperti:

- i. Mengukur kesahan alat ukur Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE).
- ii. Mengukur kebolehpercayaan alat ukur Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE).

## **REKABENTUK KAJIAN**

Kajian yang dijalankan merupakan kajian berbentuk deskriptif. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji hanya mengkaji aspek kesahan dan kebolehpercayaan Inventori Keberkesanan Emosi Ellis. Inventori ini akan diuji kesahan muka melalui kaedah rujukan tiga orang pakar. Brislin (1970) menyarankan tiga orang pakar bagi kaedah *back translation* di mana tiga orang pakar akan menterjemahkan alat ukuran tersebut dari bahasa asal ke bahasa ke dua dan kemudiannya tiga orang pakar lagi akan menterjemahkan semula alat ukuran itu digunakan dalam bahasa asal.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi ialah keseluruhan kumpulan sasaran bagi subjek yang dikaji. Dalam kajian ini populasi yang akan di ambil adalah melibatkan sekumpulan pakar dalam bidang kaunseling dan pelajar dari sebuah sekolah di daerah Rompin. Kemudian

bagi mengukur kebolehpercayaan seramai 55 orang pelajar sekolah menengah telah dipilih.

### **Instrumen yang Dikaji**

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengubah suai soal selidik Inventori Keberkesanan Emosi Ellis. Inventori ini juga belum pernah digunakan di Malaysia dan setiap item dalam soal selidik ini perlu diperkemas iaitu melalui kesahan yang akan dijalankan. Pengkaji juga akan menjalankan kesahan iaitu kesahan muka. Di samping itu juga, kajian rintis akan dijalankan bagi melihat aras kebolehpercayaan sebelum dijalankan kepada kajian lapangan.

Soal selidik yang dihasilkan adalah bertujuan untuk mengidentifikasi sampel yang mengenalpasti emosi dalam teori rasional emotif tingkah laku. Inventori ini telah dibangunkan oleh Blau (2001) bagi melihat emosi klien yang telah menjalani sesi kaunseling bersama Ellis. Sidek (2005, dalam Ahmad Jazimin, 2008) menjelaskan proses pembentukan instrumen mengambil kira strategi pendekatan rasional, empirikal dan faktorial. Konstruk dibina berdasarkan pemikiran tidak rasional dalam *Rational Emotive Behavior Therapy* (REBT). Dalam kajian ini, teknik atau kaedah yang digunakan bagi pengumpulan data ialah melalui soal selidik. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik ini iaitu bahagian A berkaitan dengan biodata diri dan bahagian B berkaitan dengan keberkesanan emosi.

## **KEPUTUSAN KAJIAN**

### **Kesahan Inventori Keberkesanan Emosi Ellis**

Kesahan bahasa untuk IKEE diperolehi melalui komen yang diberikan oleh tiga orang pakar bahasa yang merupakan ahli akademik yang dilantik. Ketiga-tiga pakar ini terdiri daripada individu yang pakar dalam bidang kaunseling. Tugas mereka adalah menyemak ejaan dan penggunaan ayat dalam Inventori Keberkesanan Emosi Ellis.

Berdasarkan komen dan cadangan yang diberikan oleh ketiga-tiga pakar, pengkaji telah mengemaskini dan membuat pembetulan semula terhadap penggunaan struktur ayat, kesalahan bahasa dan kesalahan ejaan bagi menghasilkan item-item alat ukur Inventori Keberkesanan Emosi Ellis. Maklum balas daripada pakar mengenai alat kajian ini pada keseluruhan adalah baik. Ia mengukur apa yang patut diukur. Jadual 1 menunjukkan cadangan dan komen yang diberikan oleh ketiga-tiga pakar bahasa untuk kesahan bahasa.

**Jadual 1** Cadangan dan komen pakar bagi kesahan

Pakar	Komentar
Pakar 1	Secara keseluruhannya Inventori Keberkesanan Emosi Ellis sesuai digunakan unuk mengenal pasti tahap emosi klien. Namun begitu terdapat beberapa item yang perlu dibaiki.
Pakar 2	Terjemahan dan struktur ayat kurang kemas. Terdapat banyak item yang mengandungi lebih dari satu isu. Sukar membezakan item yang mungkin konstruk gangguan ketidakselesaian dengan item-item gangguan ego.
Pakar 3	Item tidak boleh ada perkataan 'dan' serta 'atau', yang mana satu nak ukur. Kebanyakan item kabur kerana tidak ada penjelasan yang lengkap tentang konstruk.

### Kebolehpercayaan Item

Bagi menentukan kebolehpercayaan pengkaji melihat kepada ketekalan dalaman. Sebelum analisis kebolehpercayaan dilakukan, data telah dibersihkan dan nomaliti data diwujudkan. Ketekalan dalaman dilihat dengan menggunakan ujian *Cronbach Alpha* yang ditetapkan oleh Valette (1997). Berikut adalah keputusan ketekalan dalaman atau kebolehpercayaan bagi Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE) sebagaimana dalam jadual 2 dan jadual 3.

**Jadual 2** Nilai Kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*) bagi Inventori Keberkesanan Emosi Ellis

No Item	<i>Alpha</i>	<i>Standardiized Item Alpha</i>
68	.752	.755

**Jadual 3** Kebolehpercayaan Dalaman (*Cronbach Alpha*) bagi item Inventori Keberkesanan Emosi Ellis

Bil	Item	<i>Cronbach Alpha If Item Deleted</i>	Tahap
1.	Saya akan melakukan pelbagai kerja bagi mengurangkan tekanan.	.752	Sederhana
2.	Saya berasa sedih apabila perkara buruk berlaku ke atas diri saya.	.751	Sederhana
3.	Apabila saya bersikap buruk atau bodoh saya meletakkan diri saya sebagai orang yang jahat.	.751	Sederhana
4.	Saya menganggap perbuatan saya betul apabila matlamat dipenuhi.	.753	Sederhana

5.	Saya semestinya mempunyai semangat yang kental untuk Berjaya.	.751	Sederhana
6.	Saya tidak boleh berhadapan dengan masalah yang serius.	.753	Sederhana
7.	Walaupun berada dalam keadaan yang tidak baik saya masih boleh mencari jalan untuk menggembirakan saya.	.753	Sederhana
8.	Saya perlu risau mengenai kesihatan saya sekiranya terlibat dengan kemalangan.	.750	Sederhana
9.	Saya tidak percaya kepada ketentuan hidup.	.756	Sederhana
10.	Saya sepatutnya simpati dengan diri sendiri apabila orang lain melayan saya dengan tidak adil.	.741	Sederhana
11.	Apabila mempunyai tugas yang susah saya selalu meletakkannya ke tepi.	.752	Sederhana
12.	Saya selalu melakukan perkara yang saya tidak suka untuk mendapatkan kesenangan.	.759	Sederhana
13.	Saya mempunyai matlamat dalam hidup ini dan berusaha untuk mencapainya.	.748	Sederhana
14.	Saya tidak dapat menerima ketentuan hidup.	.763	Sederhana
15.	Saya tidak mudah berputus asa apabila berhadapan dengan masalah.	.752	Sederhana
16.	Saya selalu mengabaikan kesihatan saya.	.757	Sederhana
17.	Walaupun saya selalu berhadapan dengan masalah dalam hidup, saya cuba menggembirakan hati saya.	.742	Sederhana
18.	Saya seorang yang tidak tegas dalam beberapa perkara.	.744	Sederhana
19.	Saya rasa kecewa apabila orang tidak adil dengan saya.	.746	Sederhana
20.	Saya berusaha mengatasi perkara buruk yang berlaku dalam diri saya.	.745	Sederhana
21.	Saya rasa cemburu apabila kawan saya lebih baik dari saya.	.733	Sederhana
22.	Saya selalu merasa tertekan dengan ketidakadilan yang berlaku dalam hidup saya.	.737	Sederhana
23.	Apabila saya dilayan dengan tidak adil saya ingin membalasnya	.752	Sederhana
24.	Saya sepatutnya bimbang dengan kesihatan saya.	.742	Sederhana
25.	Saya sukar dalam membuat keputusan.	.742	Sederhana
26.	Saya membuat kerja yang membahayakan bila saya tidak berdisiplin.	.745	Sederhana

27.	Saya terima kenyataan bahawa suatu hari nanti saya akan mati.	.744	Sederhana
28.	Saya mesti ada teman apabila keseorangan.	.743	Sederhana
29.	Saya semestinya mengutamakan perkara yang penting dahulu.	.746	Sederhana
30.	Saya mempunyai pilihan terhadap apa yang saya lakukan.	.743	Sederhana
31.	Saya cuba buat kerja sebaik mungkin namun hasilnya tidak memuaskan saya.	.742	Sederhana
32.	Saya sepatutnya membenci orang yang melayan saya dengan buruk.	.741	Sederhana
33.	Saya rasa saya tidak percaya dengan keupayaan diri saya.	.752	Sederhana
34.	Saya selalu berfikiran negatif terhadap perkara yang berlaku.	.744	Sederhana
35.	Saya perlu bergantung dengan orang lain untuk meminta pertolongan.	.753	Sederhana
36.	Saya perlukan teman dan berasa sedih apabila keseorangan.	.739	Sederhana
37.	Saya kerap kecewa dengan diri mengenai perkara buruk yang telah menimpa.	.739	Sederhana
38.	Apabila saya mahukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh saya berusaha dengan gigih untuk mendapatkannya.	.747	Sederhana
39.	Saya benci mempunyai masalah dalam hidup, seharusnya masalah itu tidak perlu ada.	.744	Sederhana
40.	Saya sepatutnya bertindak secara bodoh demi mengikut keinginan saya.	.753	Sederhana
41.	Apabila saya tidak gembira, saya selalu berfikiran ia adalah baik.	.754	Sederhana
42.	Saya berharap saya dapat membuat sesuatu dalam kehidupan saya.	.752	Sederhana
43.	Saya sepatutnya mempercayai perkara tahyul.	.744	Sederhana
44.	Saya cuba untuk membantu kawan saya dan mengubah menjadi lebih baik.	.741	Sederhana
45.	Saya sering melihat diri saya dalam keadaan baik.	.759	Sederhana
46.	Saya kerap meletakkan diri saya hina apabila saya bertindak tidak rasional.	.747	Sederhana
47.	Saya kerap risau dengan orang sekeliling dan takut mereka tidak menyukai saya.	.749	Sederhana
48.	Emosi saya mesti berubah dari sehari ke sehari.	.741	Sederhana

49.	Saya sepatutnya tidak berpuas hati dengan kehidupan ini.	.766	Sederhana
50.	Saya sering dapat menangani masalah.	.755	Sederhana
51.	Saya sepatutnya tidak mempunyai masalah emosi.	.751	Sederhana
52.	Saya kecewa dengan kekurangan diri saya.	.751	Sederhana
53.	Saya berasa lemah dan letih setiap masa.	.748	Sederhana
54.	Saya sering bertindak secara bermoral dan menahan diri dari membahayakan orang lain.	.753	Sederhana
55.	Saya sering berhdapan dengan masalah apabila melakukan perkara yang tidak sesuai.	.744	Sederhana
56.	Saya selalu kecewa mengenai penampilan saya.	.748	Sederhana
57.	Saya selalu melepaskan kemarahan terhadap orang lain.	.752	Sederhana
58.	Saya mudah berputus asa dalam pelbagai perkara.	.757	Sederhana
59.	Apabila hidup saya susah, saya rasa nak lari dari rumah.	.749	Sederhana
60.	Saya mesti gembira sekiranya saya bertemu dengan cinta yang sejati.	.739	Sederhana
61.	Saya perlu risau tentang adik beradik apabila mereka diganggu.	.752	Sederhana
62.	Saya kerap mempunyai masalah mencari makna dalam hidup.	.745	Sederhana
63.	Walaupun saya tidak selesa saya cuba menangani keadaan tersebut.	.748	Sederhana
64.	Saya cuba untuk melakukan perkara penting dengan baik tetapi tidak pernah sempurna.	.746	Sederhana
65.	Saya tidak berasa kecewa apabila tidak dapat memiliki apa yang dikehendaki.	.760	Sederhana
66.	Saya sering melihat bahawa diri saya rasional.	.758	Sederhana
67.	Saya sering berasa terhina dan dimalukan.	.756	Sederhana
68.	Saya rasa bodoh apabila berkelakuan jahat.	.743	Sederhana



## PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian adalah berkaitan dengan 68 item yang menjurus kepada REBT di mana konstruk yang di ukur adalah mengenai keberkesanan emosi. Konstruk Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE) telah diperolehi daripada kajian tinjauan. Seramai tiga orang pakar telah dilantik daripada pensyarah Bimbingan dan Kaunseling bagi mendapatkan kesahan soal selidik IKEE. Kesahan yang dilakukan oleh pakar adalah untuk menilai item-item yang telah diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Menurut Brislin (1970) tiga orang pakar sudah memadai bagi menguji kesahan yang melibatkan kaedah *back translation*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian yang dibuat oleh pakar-pakar dalam kajian ini lebih menjurus kepada bahasa, struktur ayat dan pemahaman responden ketika menjawab soal selidik IKEE. Kesahan muka amat penting dilakukan kerana dengan pandangan dari pakar-pakar item yang diterjemahkan dapat dinilai dari aspek mutu setiap item. Dengan kesahan yang dilakukan ia dapat menambah baik item yang telah diterjemah. Kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Blau (2001) di mana dalam kajian yang dijalankan pengkaji ada melakukan kesahan muka bagi item yang dibina sebelum diedarkan kepada responden.

Dari segi bahasa kesahan amat penting dilakukan kerana dengan kesahan yang dilakukan oleh tiga orang pakar ini bagi menentukan bahasa yang sesuai dan mudah difahami dalam konteks Malaysia. Soal selidik ini dijawab oleh pelajar sekolah menengah, maka bahasa yang digunakan mestilah tidak terlalu tinggi mengikut kesesuaian pelajar. Lonner (1980 dalam Sidek, 2005) juga telah menjelaskan sekiranya item yang digunakan tidak lengkap ia akan menjejaskan cara responden menjawab item tersebut.

Hasil dapatan juga menggambarkan kajian yang dijalankan mendapati responden yang terlibat mempunyai pemikiran tidak rasional dalam diri mereka. Perkara ini dapat dilihat dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan nilai *alpha* yang diperolehi adalah .752 berada pada tahap sederhana (Vallette, 1997). Walaupun ia berada pada tahap sederhana namun ia tetap menunjukkan bahawa responden mempunyai nilai pemikiran tidak rasional dan dalam diri mereka mempunyai gangguan emosi. Dengan jawapan yang diberikan oleh responden berkaitan item “Saya sepatutnya bimbang dengan kesihatan saya” jelas menggambarkan banyak perkara-perkara yang tidak sepatutnya difikirkan oleh pelajar.

Kajian ini juga menjelaskan tiga komponen dalam keberkesanan emosi dikaitkan dengan perbezaan gaya psikopatologi. Perkara ini mungkin seperti interaksi ini berpisah dari aspek pemikiran tidak rasional dalam jangka masa panjang. Ellis (1993) menjelaskan pemikiran tidak rasional dalam kajian ini berkaitan dengan gangguan ego

iaitu “Saya mesti melakukan dengan baik” dan gangguan ketidakelesaian seperti “Mereka mesti baik dengan saya”. Hal ini menunjukkan salah satu faktor yang menyebabkan gangguan emosi responden terganggu. Maka perkara ini dapat diatasi sekiranya kaunselor yang menggunakan soal selidik IKEE sebagai langkah awal sebelum menjalani sesi kaunseling.

Di samping itu, berkemungkinan bahawa penterjemahan telah dilakukan dengan baik dan setiap item dinyatakan dengan tepat dan jelas. Hal ini memudahkan sampel untuk menjawab ujian ini. Keadaan ini telah menyebabkan alat ukur ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sesuai. Mohd Majid (1998) menyatakan bahawa kebolehpercayaan sesuatu alat ukuran boleh dipertingkatkan dengan memberikan pernyataan item yang tepat dan jelas.

Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa individu yang mempunyai elemen desakan, gangguan ketidakelesaian dan gangguan ego dalam diri menunjukkan individu tersebut berubah dari aspek emosi dan tingkah laku. Perkara ini dijelaskan oleh Ellis berkenaan dengan *value system* yang wujud dalam diri manusia di mana ia dipengaruhi oleh faktor biologiikal dan kesan dari pengaruh masyarakat dan budaya. Di samping itu, nilai kebolehpercayaan yang diperolehi mendapati individu itu mempunyai pemikiran-pemikiran yang tidak rasional dan boleh mengganggu emosi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan item-item dalam IKEE banyak menjurus kepada desakan, gangguan ketidakelesaian dan gangguan ego yang terdapat dalam diri mereka.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa hasil analisis IKEE ini mempunyai nilai kesahan yang dilakukan oleh pakar yang dilantik. Bagi memastikan kualiti pembinaan inventori tersebut tiga orang pakar telah menilai kesahan muka, di mana pakar-pakar ini melihat kepada struktur ayat yang terkandung dalam item IKEE. Item-item ini menjurus kepada komponen dalam REBT yang berkaitan dengan keberkesanan emosi seperti desakan “saya mesti mengutamakan perkara yang penting dahulu”, gangguan ketidakelesaian “saya akan melakukan pelbagai kerja bagi mengurangkan tekanan” dan gangguan ego “saya menganggap perbuatan saya betul apabila matlamat dipenuhi”.

Perkara ini di sokong oleh Bailey (1978 dalam Ahmad Jazimin, 2008) di mana alat ukur yang mempunyai kesahan menunjukkan alat ukur IKEE mempunyai konsep yang hendak diukur. Begitu juga dengan Thorndike (1997) menjelaskan kesahan yang dilakukan adalah bagi menyempurnakan lagi istilah, bahasa dan pemahaman responden sebenar terhadap alat ukuran.

Secara amnya, kajian ini berfokus kepada tiga faktor dalam teori REBT iaitu “desakan”, “gangguan ketidakelesaian” dan “gangguan ego”. Walau bagaimanapun tiga komponen ini mampu memberi gambaran kepada kaunselor untuk melihat

personaliti klien pada peringkat awal sebelum menjalani sesi. Malah dengan adanya IKEE kaunselor boleh mengenal pasti teknik-teknik yang perlu digunakan semasa menjalani sesi kaunseling kerana ketiga-tiga komponen ini adalah berkaitan keberkesanan emosi.

Kajian ini telah berhasil mencapai objektif yang disasarkan iaitu menganalisis kebolehpercayaan alat ukur IKEE yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan IKEE mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sederhana mengikut Vallete (1997). Walaupun ia berada pada tahap sederhana ini menggambarkan responden yang terlibat mengalami keberkesanan emosi mengikut teori REBT. Dapatan ini selaras dengan Ellis (1958) yang menjelaskan pemikiran tidak rasional ini merupakan punca kepada gangguan emosi yang terbentuk sejak kecil hasil daripada interaksi dengan ibu bapa, masyarakat, dan persekitaran seperti media massa.

Hasil dapatan kajian juga menggambarkan responden mempunyai gangguan emosi berdasarkan item-item yang terkandung dalam IKEE. Ellis (1987) turut mengemukakan faktor yang menyebabkan individu mengekalkan gangguan emosi di dalam diri individu. Ellis juga menjelaskan individu yang mengalami gangguan emosi adalah disebabkan jahil kerana menerima gangguan emosi yang dialami dan tidak mahu mengatasinya. Kemudian faktor kebodohan juga menjadi punca kepada gangguan emosi disebabkan individu tidak tahu mengurangkan gangguan yang dialami, walaupun mengetahui puncanya individu mengalami gangguan emosi. Secara kesimpulannya, IKEE ini adalah salah satu cara bagi kaunselor mengenal pasti klien yang mengalami gangguan emosi berdasarkan kepada teori REBT.

Inventori ini sesuai dijalankan di sekolah untuk membantu para kaunselor mengetahui pelajar yang menghadapi masalah dari segi emosi mengikut Teori Rasional Emosi Tingkah Laku. Melalui inventori ini kaunselor dapat mengenal pasti gangguan emosi yang terdapat dalam diri pelajar dengan item yang terkandung di dalam IKEE.

Berdasarkan IKEE kaunselor yang mengamalkan teori REBT dapat mengenal pasti klien yang menghadapi masalah yang berkaitan dengan pemikiran dan emosi. Kaunselor juga dapat menggunakan teknik-teknik yang sesuai mengikut permasalahan yang dihadapi oleh pelajar. Dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Blau (2001), iaitu sesuatu instrumen boleh membantu kaunselor untuk mengenal pasti klien yang menghadapi permasalahan dari segi emosi.

Tegasnya, inventori ini boleh diterima dan boleh diguna pakai sebagai alat yang memberi bimbingan kepada kaunselor ke arah membawa pelajar lebih kepada pemikiran yang rasional. Komponen yang terkandung dalam Inventori Keberkesanan Emosi Ellis (IKEE) adalah berkaitan dengan desakan, gangguan ketidakselesaian dan gangguan ego yang mana item-item dalam inventori ini adalah berkaitan dengan keberkesanan emosi.

Kesimpulannya, dapatan kajian telah membuktikan bahawa inventori ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang boleh dijadikan alat kepada kaunselor untuk mengukur pemikiran tidak rasional klien sebelum menjalani sesi kaunseling.

## CADANGAN

Sehubungan dengan dapatan, perbincangan dan implikasi kajian, maka beberapa cadangan telah dikemukakan seperti berikut:

- i. Beberapa kajian lanjut perlu dilakukan dengan memperbaiki lagi item-item yang lemah dalam alat ukur IKEE ini agar semua item mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi sebelum digunakan dalam konteks Malaysia.
- ii. Adalah disarankan agar pengkaji berikutnya menggunakan kaedah lain seperti kaedah berbahagi dua dalam menguji kebolehpercayaan alat ukur IKEE ini untuk melihat sejauhmana dapatan kajian ini bersifat tekal. Kaedah ini bukan sahaja mudah, tetapi juga murah, cepat dan lebih praktikal (Sidek, 2005).
- iii. Adalah disarankan agar kajian akan datang ditumpukan kepada kesahan alat ukur ini dengan menggunakan sampel yang lebih besar agar kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur IKEE ini bertambah baik seterusnya diterima pakai di Malaysia.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membincangkan mengenai alat ukur IKEE dan berhasil memperoleh nilai kebolehpercayaan alat ukur ini. Dapatan kajian menunjukkan alat ukur ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik ketika diuji alat ujian yang dihasilkan di luar negara ini sesuai digunakan dalam konteks Malaysia memandangkan alat ukur ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Namun begitu, kajian lanjutan untuk mendapatkan kesahan alat ukur ini adalah dialu-alukan agar alat ukur ini dapat digunakan secara meluas di Malaysia memandangkan impaknya sangat baik untuk perkembangan manusia.

## RUJUKAN

- Ahmad Jazimin. (2008). *Penggunaan terapi realiti dalam kalangan kaunselor di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Blau, S. F. (2001). *A three factor model of emotional efficiency: demndingness, ego disturbance and discomfort disturbance*. Doctor of Philosophy, unpublished. United State: The Union Institute Graduate College.
- Brislin, R.W. (1970). Back translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 1: 185-216.

- Bunce, M. D., Jessica, R. V., Neiles, K. Y. & Flens, E. (2010). Development of a valid and reliable student-achievement and process-skills instrument. *Journal of College Science Teaching*. 50-55.
- Ellis, A. (1958). Rational psychotherapy. *Journal of General psychology*, 59, 35-49.
- Ellis, A. (1987). The impossibility of achieving consistently good mental health. *American Psychologist*. 42:364-375.
- Ellis, A. (1993). Changing rational-emotive therapy (RET) to rational emotive behavior therapy (REBT). *Behavior Therapist*, 16, 257-258.
- Ibrahim Mohamed Zain. (2007). *Membina dan mengesahkan instrumen pentaksiran kecerdasan pelbagai*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaludin Ahmad, Rosdi Yusof & Saifudin Kumar Abdullah. (2009). The reliability and validity of tennessee self concept scale (TSCS) instrument on residents of drug rehabilitation center. *Journal of Social Sciences*: 10 (3).
- Mackison, D., Wrieden, W. L., & Anderson, A. S. (2010). Validity and realibility testing of short questionnaire developed to assess consumers' use, understanding and perception of food labels. *European Journal of Clinical Nutrition*, 64 (2), 210-219.
- Maznah Ismail & Kim Phaik Lah. (1984). Satu tinjauan mengenai alat-alat ujian/pengukuran dalam kaunseling. *Jurnal PERKAMA*, 1:105-121.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaya Talib & Mohd Najib. (2008). *Pembinaan dan pengesahan instrumen bagi mengukur tahap literasi pentaksiran guru sekolah menengah di malaysia*. (Electronic Version). Diperolehi October 1, 2008 daripada <http://eprints.utm.my>
- Semila, S. T. B., Anita, L. N & Paula, F. B. C. (2007). *Validity of the center for epidemiological studies depression scale among brazilian elderly*. Diperolehi April 09 (2009) daripada <http://www.proquest.umi.com>
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian dan pengukuran dalam kaunseling: Teori dan aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Valette, R. M. (1997). *Modern Language Testing: A handbook* (2<sup>nd</sup> ed). New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Verster, C. J. (2009). *Validation of The Dutch Version of The Brief Young Adult Alcohol Consequences Questionnaire (B-YAACQ)*, Vol. 34, Iss. 5; pg.411.